



[WEALTH-LOVING THERAPY IN NURTURING GENEROSITY ACCORDING TO AL-GHAZALI'S SPIRITUAL THEORY THROUGH KITAB AL-ARBA'IN FI USUL AL-DIN]

TERAPI CINTAKAN HARTA DALAM MEMUPUK SIFAT PEMURAH MENURUT TEORI SPIRITUAL AL-GHAZALI MENERUSI KARYANYA AL-ARBA'IN FI USUL AL-DIN

NUR SYAZANA ADAM^{1*} & SYED HADZRULLATHFI SYED OMAR¹

¹ Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA

*Corresponding Author: sylutfi@unisza.edu.my

Received Date: 23 February 2022 • Accepted Date: 30 April 2022

Abstract

Love of wealth is a feeling that is very attractive to worldly wealth to be willing to do anything to have a lot of wealth. This is further reinforced by the view of mystics such as al-Ghazali that the nature of the love of property is one of the ten main properties of *mazmumah* and this nature is the cause of greed for wealth and stinginess. Even to a degree, it is a pity to use the property owned in meeting one's own needs for fear of running out. In this case, it is understandable that an individual who has the nature of the love of property needs to find a solution in eroding that nature to be able to share the property he owns with those around him. Therefore, this study aims to analyze the nature of the love of wealth meant by al-Ghazali based on his spiritual theory through the book of *al-Arba'in fi Uṣul al-Dīn* to treat the nature of stinginess that often chains the heart to spend wealth towards goodness. This qualitative study uses data collection methods by making the works that have been produced by al-Ghazali the main reference. All the data obtained were analyzed to produce the findings of the study. Studies have found that the nature of the love of property is among the main factors that drive a person to have a stingy nature and become a barrier to generosity. In addition, having this nature makes a person further away from Allah SWT because the focus of memory is only on the blessings of the world and cares about the owner who gives the blessings that is Allah SWT. Studies conclude that the nature of loving the world is a very dangerous disease and needs to be eroded from the soul to form a generous nature. Therefore, indirectly will be able to create a generous society and servants who can focus fully only on Allah SWT.

Keywords: Love of Wealth, Generosity, al-Ghazali, Spiritual Theory, *al-Arba'in fi Uṣul al-Din*.

Abstrak

Cintakan harta merupakan suatu perasaan yang amat tertarik terhadap harta dunia hingga sanggup melakukan apa sahaja demi memiliki harta yang banyak. Hal ini dikukuhkan lagi dengan

pandangan ahli tasawuf seperti al-Ghazali bahawa sifat cintakan harta merupakan salah satu di antara sepuluh sifat mazmumah yang utama dan sifat ini adalah punca kepada tamakkan harta dan sifat bakhil. Malah hingga satu tahap, sayang untuk menggunakan harta yang dimiliki dalam memenuhi keperluan sendiri kerana dikhuatiri akan habis. Dalam hal ini, dapat difahami bahawa seseorang individu yang memiliki sifat cintakan harta perlu mencari penyelesaian dalam menghakis sifat tersebut hingga mampu untuk berkongsi harta yang dimiliki dengan orang sekelilingnya. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk menganalisis sifat cintakan harta yang dimaksudkan oleh al-Ghazali berdasarkan teori spiritualnya menerusi kitab al-Arba'in Fi Usul al-Din bagi merawat sifat bakhil yang sering merantai hati untuk membelanjakan harta yang dimiliki ke arah kebaikan. Kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan metode pengumpulan data dengan menjadikan karya-karya yang telah dihasilkan oleh al-Ghazali sebagai rujukan utama. Kesemua data yang diperolehi dianalisis untuk menghasilkan dapatan kajian. Kajian mendapati bahawa sifat cintakan harta adalah antara faktor utama yang mendorong seseorang untuk memiliki sifat bakhil dan menjadi penghalang kepada sifat pemurah. Selain itu, dengan memiliki sifat ini menjadikan seseorang itu semakin jauh daripada Allah SWT kerana tumpuan ingatan hanya terhadap nikmat dunia dan menghiraukan pemilik yang memberi nikmat tersebut iaitu Allah SWT. Kajian merumuskan bahawa sifat cintakan dunia merupakan suatu penyakit yang sangat berbahaya dan perlu dihakis daripada jiwa agar dapat membentuk sifat pemurah. Oleh yang demikian, secara tidak langsung akan dapat mewujudkan masyarakat yang pemurah dan hamba yang dapat menumpukan perhatian yang sepenuhnya hanya kepada Allah SWT.

Kata kunci: Cintakan Harta, Sifat Pemurah, al-Ghazali, Teori Spiritual, al-Arba'in Fi Usul al Din.

Cite as: Nur Syazana Adam & Syed Hadzrullathfi Syed Omar. 2022. [Wealth-Loving Therapy in Nurturing Generosity According to Al-Ghazali's Spiritual Theory Through Kitab Al-Arba'in fi Usul Al-Din] Terapi Cintakan Harta dalam Memupuk Sifat Pemurah Menurut Teori Spiritual Al-Ghazali Menerusi Karyanya Al-Arba'in Fi Usul Al-Din. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 23(1): 185-192.

PENDAHULUAN

Sifat cintakan harta merupakan salah satu sifat tercela yang perlu disingkirkan daripada jiwa manusia. Sifat ini bukan sesuatu yang asing mendiami jiwa manusia. Meneliti kajian literatur, al-Ghazali (2003) telah membincangkan sifat cintakan harta dengan terperinci di samping turut mengemukakan pandangan dalam menanganinya. Ini kerana, sifat cintakan harta mempunyai kemudaran yang besar dan mampu merosakkan kehidupan individu yang memilikinya di dunia dan akhirat seandainya tidak dirawat dengan sebaik yang mungkin (al-Ghazali 1988; Syamruddin 2014; Syamsul 2018).

Di samping itu, kebanyakan pengkaji turut menyatakan bahawa berakhlak buruk seperti mempunyai sifat takabbur, riyak, melakukan maksiat, berburuk sangka dan mengumpul harta adalah berpunca daripada sifat cintakan kemewahan dunia yang membelenggu jiwa (al-Ghazali 2003; Salasiah & Adawiyah 2012). Sifat cintakan harta perlu disucikan daripada jiwa kerana akan membawa kemudaran di dunia dan akhirat bagi pemiliknya (al-Ghazali, 2003).

Oleh yang demikian, seandainya ingin mencapai kebahagiaan yang hakiki di dunia dan akhirat, seseorang individu mesti menjadi seorang yang pemurah iaitu dengan memberi sedekah

dan membantu orang yang memerlukan bantuan (Muhd Norizam & Nor Asmaa, 2018) yang mana diketahui bahawa sifat pemurah merupakan sifat yang bertentangan dengan sifat cintakan harta. Dari sudut aplikasi, dapat difahami bahawa setiap sifat yang mazmumah yang terdapat di dalam jiwa manusia adalah berpunca daripada perut yang sentiasa kenyang. Seterusnya, daripada perut yang kekenyangan tersebut mendorong seseorang untuk mengejar harta dan material di dunia yang menjadi penyebab kepada semua kebinasaan (Syamruddin, 2014).


Artikel ini cuba mengkaji kaedah yang mampu merawat penyakit hati khususnya yang berkait dengan sifat cintakan harta di samping memupuk sifat pemurah bagi menggantikan sifat tercela tersebut di dalam jiwa. Manakala sifat pemurah merupakan salah satu akhlak yang mulia yang dianjurkan dalam agama Islam. Kedudukan sifat ini terletak di antara sifat bakhil dan membazir (al-Ghazali 2003; Syamsul 2018). Islam amat menggalakkan penganutnya agar memperbanyakkan amal jariah seperti berwakaf, zakat dan sedekah kerana perbuatan ini mampu untuk memberi keberkatan terhadap harta yang dimiliki dan memberi faedah pada kehidupan di akhirat (Masakaree & Nik Muhammad Syukri 2011; Nur Azuki & Adi Syahid 2014). Hal ini sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

“Berimanlah kamu kepada Allah dan RasulNya, dan belanjakanlah (pada jalan kebajikan) sebahagian dari harta benda (pemberian Allah) yang dijadikannya kamu menguasainya sebagai wakil. Maka orang-orang yang beriman di antara kamu serta mereka membelanjakan (sebahagian dari harta itu pada jalan Allah); mereka tetap beroleh pahala yang besar.”

(Surah al-Hadid; 57;7)

Di samping itu, golongan yang mendapat rezeki yang sedikit akan memperolehi sebahagian daripada harta orang yang memperolehi rezeki yang lebih melalui zakat, hadiah, sedekah, cukai dan sebagainya. Ini kerana, perkongsian rezeki yang dimiliki kepada orang sekeliling dalam bentuk agihan zakat contohnya merupakan suatu kewajipan dalam agama Islam (Masakaree & Nik Muhammad Syukri, 2011). Oleh hal yang demikian, dapat difahami bahawa orang yang mengeluarkan harta agihan adalah mereka yang pemurah. Manakala orang yang menghalang hartanya untuk diagihkan kepada masyarakat sekeliling adalah orang yang bakhil. Manakala, orang yang menggunakan harta tanpa pengawasan terhadap perkara yang tidak sepatutnya dan menyalahi tuntutan syariat maka individu tersebut tergolong dalam kalangan orang yang membazir (al-Ghazali, 2003). Berikut merupakan ringkasan yang kedudukan antara sifat cintakan harta dan pemurah:

Rajah 1: Kedudukan Sifat Cintakan Harta Dan Pemurah



METODOLOGI

Bagi mencapai objektif kajian, kaedah analisis dokumen telah digunakan dengan menjadikan karya al-Ghazali, *al-Arbai'n Fi Usul al-Din* sebagai rujukan utama. Di samping itu, karya-karya yang dihasilkan oleh tokoh-tokoh tasawuf lain juga turut dirujuk selain daripada jurnal dan artikel. Semua data kajian yang dikumpul termasuk data yang berbentuk transkripsi temu bual telah dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan.

DEFINISI CINTAKAN HARTA DAN SIFAT PEMURAH

Asas sifat bakhil dan kedekut ialah mencintai harta. Menurut al-Ghazali, sifat cintakan harta seperti emas, perak dan apa sahaja yang diistilahkan dengan harta diumpamakan seperti menyembahnya (al-Ghazali, 1988). Oleh yang demikian, dapat difahami bahawa orang yang menyembah harta menurut al-Ghazali merujuk kepada orang yang menjadi hamba kepada harta tersebut. Hal ini kerana, harta tersebut mampu menghalangnya daripada menunaikan hak-hak Allah SWT disebabkan oleh terlalu asyik dalam mengumpul harta. Walau bagaimanapun, syirik orang yang mengabdikan diri terhadap harta tidak dapat dilihat oleh mata kasar dan bukan secara terang-terangan atau diistilahkan juga dengan syirik khafi (sembunyi).

Manakala sifat pemurah pula bermaksud dapat menggunakan harta apabila diperlukan dan mampu mengelakkan daripada pembaziran. Dalam hal ini, dapat difahami bahawa sifat ini terletak di antara sifat bakhil (menahan daripada menggunakan harta untuk keperluan) dan boros (berbelanja secara berlebih-lebihan). Orang yang memiliki sifat pemurah memiliki hati yang suci murni, sebagaimana firman Allah SWT, yang bermaksud:

“Dan juga mereka yang apabila membelanjakan hartanya, tidaklah melampaui batas dan tidak bakhil dan kedekut serta perbelanjaan mereka adalah betul sederhana di antara kedua-dua cara”.

(Surah al-Furqan: 67)

Selain itu, terdapat juga orang yang pemurah tetapi mencintai harta. Dalam hal ini, al-Ghazali telah menjelaskan bahawa sifat pemurah yang diiringi dengan sifat mencintai harta adalah termasuk dalam perbuatan yang tercela. Ini kerana, setiap pemberian yang dihulurkan bukan kerana Allah SWT namun sebaliknya mengharapkan pujian dan mengharapkan namanya disebut-sebut sebagai seorang yang pemurah. Sedangkan, hati tidak rela untuk melepaskan harta tersebut daripada genggamannya (al-Ghazali, 2003). Berdasarkan pandangan al-Ghazali, dapat difahami bahawa sifat bakhil dan cintakan harta adalah suatu perkara yang melalaikan daripada mengingati Allah SWT dan membuatkan tumpuan hati hanya tertumpu kepada sesuatu yang berbentuk keduniaan.

Di samping itu, al-Ghazali (2003) turut menjelaskan bahawa mencari dan memiliki harta dunia bukan menjadi suatu kesalahan. Ini kerana, kehidupan di dunia merupakan salah satu pengembaraan dalam menuju kepada Allah SWT. Kenyataan beliau ini dapat diumpamakan dengan seorang yang hendak mengembara. Dalam sesuatu pengembaraan, mana mungkin seorang pengembara tidak memiliki sebarang bekalan untuk sampai ke destinasi yang kekal abadi. Justeru, orang yang hanya menggunakan harta yang dimiliki sekadar keperluannya hidupnya dan selebihnya menggunakan harta tersebut di jalan Allah SWT adalah orang yang sangat beruntung.

Berdasarkan pandangan al-Muhasibi (t.t.), al-Qusahyri (1989) dan al-Hujwiri (2001) telah menjelaskan bahawa terdapat dua sebab utama yang mendorong seseorang memiliki sifat cinta terhadap harta. Pertama, terlalu mengikut tuntutan hawa nafsu dan hanya dengan memiliki harta sahaja dapat memenuhi tuntutan tersebut di samping turut mempunyai angan-angan yang tinggi untuk memiliki segala kemewahan yang terdapat di dunia. Kedua, terlalu cintakan harta yang dimiliki semata-mata hingga enggan untuk menggunakan harta tersebut ke jalan Allah SWT. Keadaan ini semakin parah apabila ditimpa sesuatu penyakit, mereka sukar mengeluarkan harta yang dimiliki untuk merawat penyakit yang dihadapi kerana bimbang harta tersebut akan habis (al-Ghazali, 1988).

Di samping itu, setiap individu Muslim ditegah daripada mempunyai sifat cintakan harta dan berlebih-lebihan dalam menguruskan keperluan. Kedua-dua sifat ini merupakan suatu musibah terhadap diri individu terbabit itu sendiri. Dalam hal ini, al-Ghazali telah menggariskan tiga akibat yang akan menimpa orang tersebut ialah:

- i. Mendorong untuk melakukan kemaksiatan (dosa) kerana berpotensi untuk menggunakan harta yang berlebihan tersebut dengan cara yang salah. Dalam hal ini, dapat difahami bahawa ujian apabila berhadapan dengan kemewahan harta dunia amat berat jika dibandingkan dengan ujian ketika berada dalam kesempitan.
- ii. Cenderung untuk sentiasa bersenang-lenang dalam perkara-perkara yang harus. Kehidupan yang sentiasa berada dalam kemewahan hingga sanggup meminta orang lain melindunginya dan meminta bantuan dari pihak yang zalim. Keadaan ini akan mendorong individu terbabit untuk cenderung dengan sifat munafik, pembohongan, permusuhan dan saling benci-membenci.
- iii. Cenderung untuk lalai dalam mengingati Allah s.w.t. Sifat ingat kepada Allah SWT adalah asas kebahagiaan di akhirat. Ini kerana, hatinya akan dipenuhi oleh sifat benci dan permusuhan kepada orang yang mendapat kebahagiaan, mengira rakan-rakan seperjuangan, rancangan untuk menyingkirkan mereka, rancangan untuk menambah

harta. Semua ini merupakan perkara yang memberi kesan negatif terhadap hati (al-Ghazali, 2003), sebagaimana firman Allah SWT:

Maksudnya: “Bermegah-megahan akan melalaikan kamu...”

(Al-Takathur: 1)

Manakala sifat pemurah pula bermaksud dapat menggunakan harta apabila diperlukan dan mampu mengelakkan daripada pembaziran. Dalam hal ini, dapat difahami bahawa sifat ini terletak di antara sifat bakhil (menahan daripada menggunakan harta untuk keperluan) dan boros (berbelanja secara berlebihan). Orang yang memiliki sifat pemurah memiliki hati yang suci murni, sebagaimana firman Allah SWT, yang bermaksud:

“Dan juga mereka yang apabila membelanjakan hartanya, tidaklah melampaui batas dan tidak bakhil dan kedekut, dan perbelanjaan mereka adalah betul sederhana di antara kedua-dua cara”.

(al-Furqan: 67)

TERAPI SIFAT CINTAKAN HARTA DALAM MEMUPUK SIFAT PEMURAH

Berkait dengan sifat pemurah, al-Ghazali telah mencadangkan beberapa kaedah dalam memupuk sifat tersebut melalui pendekatan menghakis sifat cintakan harta. Pertama, orang yang mempunyai sifat cintakan dunia di dalam jiwa mesti bermujahadah dalam mengekang tuntutan hawa nafsu hingga timbul sifat qana'ah (merasa cukup) dengan harta dunia. Ini kerana, individu yang mempunyai sifat cintakan dunia akan cenderung untuk memiliki sifat cintakan harta, nama, pengaruh, kemasyhuran dan pangkat (al-Ghazali, 1988).

Kedua, beliau turut menyarankan agar seseorang yang memiliki sifat cintakan harta supaya sentiasa mengingati mati. Dengan mengingati kematian, akan menjadikan seseorang itu sentiasa melakukan muhasabah dan menginsafi kesilapan diri dan dalam masa yang sama mampu untuk mengalih tumpuan jiwa daripada terlalu memikirkan harta benda, pangkat, kemasyhuran yang mana semua itu tidak sedikit pun memberi manfaat kepada kehidupan selepas mati kecuali mereka menggunakannya ke arah kebaikan (al-Ghazali 2003; Salasiah & Adawiyah 2012). Ketiga, al-Ghazali turut menyarankan orang yang memiliki sifat cintakan harta agar sentiasa berzikir dan tafakkur (merenung kebesaran dan keagungan Allah SWT). Tujuan kedua-dua amalan ini adalah untuk melatih hati agar sentiasa mengingati kepada yang memberi harta iaitu Allah SWT dan dalam masa yang sama dapat mengalih tumpuan hati daripada terlalu memikirkan urusan dunia.

Keempat, al-Ghazali turut menyarankan agar orang yang memiliki sifat cintakan harta agar merenung hikmah di sebalik penciptaan harta tersebut oleh Allah SWT. Oleh yang demikian, individu yang memiliki harta terbabit akan menggunakannya sekadar keperluan masing-masing dan tidak melampaui batas serta tidak terlalu bakhil. Selebihnya, harta tersebut disimpan sebagai bekalan akhirat dengan disumbangkan kepada jalan Allah SWT seperti mengeluarkan zakat, bersedekah dan sebagainya. Kelima, merenung tentang bahaya sifat cintakan harta kepada pemiliknya yang mana boleh menimbulkan kedengkian dalam kalangan hati orang lain yang tidak memilikinya. Ini kerana, orang yang memiliki sifat cintakan dunia dan harta lebih cenderung untuk menonjolkan diri dengan harta dan kemewahan yang dimiliki kepada

masyarakat (al-Ghazali, 2003).

Keenam, orang yang memiliki sifat cintakan harta perlu melihat keadaan orang yang memiliki harta yang kurang daripada mereka dan dalam masa yang sama mendermakan harta mereka kepada yang memerlukan sebagai bukti rasa syukur kepada Allah SWT. Ketujuh, al-Ghazali menyarankan kepada orang memiliki sifat cintakan harta agar memerhati dan merenung perjalanan kehidupan orang yang memiliki sifat cintakan harta hingga ke akhir hayatnya serta apa yang berlaku kepada harta yang ditinggalkan selepas individu terbabit meninggal dunia (al-Ghazali, 2003).

Rajah 2: Ringkasan Terapi Sifat Cintakan Harta Dalam Memupuk Sifat Pemurah Berdasarkan Teori Spiritual al-Ghazali



Merujuk kepada perbincangan dalam subtopik ini, dapat dirumuskan bahawa seandainya seseorang berjaya mengikuti setiap cadangan yang dilontarkan oleh al-Ghazali menerusi terapi spiritualnya, pasti sifat cintakan harta dapat dihakis daripada jiwa individu terbabit.

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan tentang terapi sifat cintakan harta dalam memupuk sifat pemurah, dapat disimpulkan bahawa sifat cintakan harta merupakan satu sifat yang tercela dan banyak mendatangkan keburukan daripada kebaikan kepada pemiliknya sama ada di dunia

mahupun di akhirat. Berdasarkan kajian yang dilakukan, didapati bahawa sifat cintakan harta merupakan suatu sifat yang menghalang seseorang untuk memiliki sifat pemurah. Ini kerana, sifat cintakan merujuk perbuatan yang menghalang seseorang untuk menggunakan harta yang dimiliki namun dalam masa yang sama mereka berusaha mengumpulnya. Manakala sifat pemurah merujuk kepada menggunakan harta dengan cara yang sepatutnya iaitu tidak terlalu membazir dan tidak terlalu boros. Dalam merawat sifat cintakan harta, al-Ghazali melalui teori spiritualnya telah menyarankan beberapa metode terapi jiwa untuk menghakis sifat tersebut. Jika diaplikasikan metode-metode tersebut secara konsisten, akan mampu memberi kesan positif terhadap jiwa pelakunya iaitu bukan sahaja mampu menghakis sifat cintakan harta malah berjaya menjadi insan yang pemurah sebagaimana yang dianjurkan oleh syariat.

RUJUKAN

- Al-Ghazali, Abu Hamid. 1988. *Ihya' Ulum al-Din*. Kaherah: Markaz al-Ihtiram li al-Tarjamah Wa al-Nashr.
- Al-Ghazali, Abu Hamid. 2003. *Al-Arba'in fi Usul al-Din*. Beirut: Dar al-Shamiyyah.
- Al-Hujwiri, Hazrat 'Ali bin Usman. 2001. *Kashf al-Mahjub*. Karachi: Zia-ul-Quran Publication.
- Masakaree Ardae & Nik Muhammad Syukri Nik Wan. 2011. Keterbatasan Sumber Alam. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari* 4: 43- 59.
- Al-Muhasibi, al-Harith Bin asad. t.th. *Mu'atabat al-Nafs*. t.tp.: Dar al-'Itisam.
- Muhd Norizam Jamian & Nor Asmaa Ab Aziz,. 2018. Akhlak Pemimpin Dalam Hikayat Isma Yatim: Satu Analisis Pendekatan Adab. *Jurnal Melayu* 17(2): 255- 276.
- Nur Azuki Yusuff & Adi Syahid Mohd Ali. 2014. Konsep Keusahawanan Sosial Islam: Perkaitan Amalan Beragama dan Peningkatan Pendapatan. Dlm. *4th International Conference and Exhibition on Islamic Education (ICIEd 2014)*, 31 May-2nd June 2014, Perdana Hotel, Kota Bharu, Kelantan, hal. 1-14.
- Al-Qushayri, Abu al-Qasim 'Abd al-Karim bin Hawazin bin 'Abd Malik al-Qushayri al-Naysaburi al-Syafi'i. 1989. *Al-Risalah al-Qushayriyyah*. Kaherah: Dar al-Sha'b.
- Salasiah Hanin Hamjah & Adawiyah Ishak. 2012. Kaedah Mengatasi Tekanan Dalam Kalangan Wanita Bekerjaya Dari Perspektif al-Ghazali. *Jurnal al-Hikmah* 4: 64-75.
- Syamruddin Nasution. 2014. *Kajian Naskah: Kitab Sa'iru al-Salikin li Babi Ihya 'Ulum al-Din Karya Shaykh 'Ali Ibn 'Abd al-Rahman al-Kalantani*. Sosial Budaya: Media Komunikasi Ilmu-ilmu Sosial dan Budaya.
- Syamsul Rizal Mz. 2018. Akhlak Islami Perspektif Ulama Salaf. *Jurnal Edukasi Islami Jurnal Pendidikan Islam* 7(1): 67-100.